

KEMISKINAN DAN KESAN PSIKOLOGI

Oleh Sivan Koran



Bandar merupakan tempat tinggal yang menawarkan hampir segala yang diperlukan oleh seseorang. Kewujudan peluang pendidikan dan pekerjaan, kepelbagaian budaya, medan untuk aktiviti rekreasi, perancangan pembangunan dan pemfokusan aspek kebersihan yang agak terancang adalah antara elemen yang terdapat di kebanyakan bandar di Malaysia.

Walaupun bagaimanapun, segala nikmat kehidupan di bandar tidak dapat dirasai sekiranya kesihatan fizikal dan mental penghuninya terganggu disebabkan oleh kadar jenayah dan keganasan yang tinggi, penyalahgunaan dadah, kemiskinan, dan sebagainya.

Kemiskinan ditakrifkan sebagai keadaan seseorang yang mengalami masalah dalam mendapatkan keperluan asas untuk mengecapi tahap kesejahteraan hidup yang minimum dan berpatutan.

Unit Perancangan Ekonomi (EPU) mengkategorikan kemiskinan di negara ini berdasarkan Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK). PGK telah dikaji semula secara meluas pada tahun 2005 (dikenal sebagai metodologi 2005) supaya merangkumi setiap negeri, bandar dan luar bandar secara berasingan. Sehubungan dengan hal itu, PGK untuk Semenanjung Malaysia ialah RM661, Sabah RM888 dan Sarawak RM765.

Menurut sumber perangkaan daripada EPU, berdasarkan kategori PGK, kadar kemiskinan keseluruhan Malaysia ialah sebanyak 5.7 peratus yang melibatkan 311 300 isi rumah (Jadual 1). Sumber yang sama juga menjelaskan kadar kemiskinan bandar dan luar bandar sebanyak 2.5 peratus dan 11.9 peratus masing-masing. Data ini juga menunjukkan kejayaan kerajaan Malaysia dalam mengurangkan kadar kemiskinan sekitar 52 peratus pada tahun 1970 kepada 5.7 peratus pada tahun 2004.

Meskipun kemiskinan bandar berkurangan daripada 3.3 peratus pada tahun 1999 kepada 2.5 peratus pada tahun 2004, bilangan isi rumah miskin di bandar meningkat sebanyak 6.4 peratus

Jadual 1 Kadar kemiskinan dan bilangan isi rumah miskin.

		1999			2004		
		Jumlah	Bandar	Luar Bandar	Jumlah	Bandar	Luar Bandar
Kemiskinan Tegar							
Kadar Kemiskinan Tegar	(%)	1.9	0.5	3.6	1.2	0.4	2.9
Bilangan Isi Rumah Miskin Tegar	('000)	91.7	11.9	79.8	67.3	14.1	53.2
Jurang Kemiskinan	(%)	0.4	0.1	0.8	0.2	0.1	0.6
Kemiskinan Keseluruhan							
Kadar Kemiskinan	(%)	8.5	3.3	14.8	5.7	2.5	11.9
Bilangan Isi Rumah Miskin	('000)	409.3	86.1	323.2	311.3	91.6	219.7
Jurang Kemiskinan	(%)	2.3	0.8	4.0	1.4	0.6	3.0
Jumlah Isi Rumah	('000)	4800.0	2612.5	2187.5	5459.4	3605.9	1853.5

Sumber: Unit Perancangan Ekonomi dan Jabatan Perangkaan Malaysia-Penyiasatan Isi Rumah.

kepada, 91 600 isi rumah. Keadaan ini berlaku seiringan dengan perubahan dalam taburan populasi rakyat Malaysia. Pada tahun 1980 (Jadual 2), 66 peratus penduduk tinggal di luar bandar berbanding dengan hanya 34 peratus di bandar, tetapi taburan ini seolah-olah menjadi terbalik pada tahun 2006, hanya 37 peratus rakyat tinggal di luar bandar berbanding dengan 63 peratus yang tinggal di bandar.

Dapat dibuat andaian bahawa penghijrahan dari luar bandar ke bandar mungkin disebabkan oleh dua faktor yang berbeza. Pertama, penghijrahan yang melibatkan individu yang berkemahiran dan berpelajaran tinggi, serta berpendapat bahawa hanya di bandar sahaja yang mampu memberi peluang pekerjaan dan pendapatan yang lumayan.

Sementara faktor kedua ialah penghijrahan yang melibatkan mereka yang kurang berkemahiran dan berpelajaran tinggi yang sudah tidak berminat lagi dengan kehidupan di luar bandar yang berasaskan pertanian. Golongan kedua ini biasanya menjadi buruh di sektor perindustrian atau pun sektor berasaskan perkhidmatan yang ditawarkan oleh pihak swasta. Oleh sebab pendapatan yang diterima daripada hasil pekerjaan oleh golongan kedua ini agak kecil, maka mereka hanya mampu tinggal di kawasan perumahan

seperti pangsapuri kos rendah, flat ataupun perumahan setinggan yang biasanya agak sesak.

Oleh itu, kemiskinan mutlak ialah kemiskinan yang berkaitan dengan pendapatan isi rumah di bawah paras PGK mungkin sudah sinonim bagi mereka yang hidup di bandar di penempatan seperti yang dinyatakan di atas. Melihat senario masa kini, boleh diramalkan bahawa keadaan kemiskinan di bandar dijangka semakin meruncing sejajar dengan kenaikan harga barangan utama yang melambung tinggi disebabkan kenaikan harga petroleum. Maka, mereka yang sudah tergolong dalam kategori miskin akan lebih terhimpit oleh keadaan ini. Menurut Fellow Kanan Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (Lestari) Universiti Kebangsaan Malaysia, Profesor Chamhuri Siwar, menyatakan

bahawa pada masa akan datang masalah pekerjaan akan menjadi punca kemiskinan di bandar kerana globalisasi ekonomi. Hanya pekerja berkelayakan dan berkemahiran yang akan diserap dalam sektor guna tenaga. Beliau menambah, pada masa itu juga jurang kehidupan antara golongan kaya dengan miskin semakin melebar. Hal ini demikian kerana, disebabkan mereka yang berpendidikan tinggi dan berkemahiran tinggi akan mendapat pendapatan jauh lebih banyak daripada golongan buruh.

Jika keadaan ini berterusan, maka kewujudan kemiskinan relatif di bandar menjadi makin tidak terkawal. Bahkan akan menjadi lebih ketara disebabkan perbezaan pendapatan antara golongan berpendapatan tinggi dengan yang berpendapatan rendah. Kemiskinan semasa di bandar sudah

Jadual 2 Penduduk: ringkasan perangkaan.

		1980	1991	2000	2006
Penduduk Pertengahan Tahun	(Juta)	13.88	18.55	23.27	26.24
Penduduk Bandar	%	34.2	50.7	62.0	63.2
Penduduk Luar Bandar	%	65.8	49.3	38.0	36.8
Kewarganegaraan					
Warganegara Malaysia	%	96.8	95.6	94.1	93.1
Bukan Warganegara Malaysia	%	3.2	4.4	5.9	6.9

Sumber: Unit Perancangan Ekonomi dan Jabatan Perangkaan Malaysia.

cukup membimbangkan kita. Pada kebiasaannya mereka yang hidup dalam kemiskinan dan keadaan yang serba kekurangan menganggap harga diri atau penghargaan kendiri (*low self-esteem*) mereka rendah. Mereka merasakan bahawa kemiskinan yang dialami adalah disebabkan oleh penindasan dan kerakusan golongan kaya yang membolot segala harta kekayaan yang ada tanpa memberikan peluang kepada mereka.

Jane Middleton (1999) dalam bukunya *Boiling Point* menyatakan bahawa komuniti yang rasa mereka ini tertindas akan mempamerkan keganasan dalam pelbagai bentuk, seperti, serangan fizikal, serangan mulut, gosip, dan sebagainya. Beliau juga menyatakan bahawa sekiranya penindasan yang dirasa oleh golongan berpendapatan rendah ini berterusan tanpa sebarang langkah penyelesaian, maka kemarahan ini akan diarahkan kepada seseorang ahli daripada golongan (miskin) yang sama. Umpamanya seorang pekerja yang marah pada majikannya akan melepaskan kemarahannya dengan cara bergaduh dengan pekerja lain. Menurut pengasas Teori Psikoanalisis, Sigmund Freud, sikap sedemikian adalah salah satu mekanisme bela diri seseorang individu yang digelar sebagai "pindahgantian" (*displacement*).

Kemiskinan bandar membawa kesan secara langsung kepada kanak-kanak dan remaja. Kajian Maureen dan Ambika (1998), dalam *Jurnal The American Psychologist* menyatakan bahawa meskipun hidup di bandar memberikan peluang ekonomi dan pendidikan yang unik kepada kanak-kanak dan keluarga, beliau tidak menolak kemungkinan kesan negatif mempengaruhi kanak-kanak dan remaja terutamanya apabila mereka terdedah kepada situasi jenayah yang tinggi, keganasan, kerosakan akhlak, penyalahgunaan dadah dan kemiskinan.

Kajian di atas diperkukuh dengan kajian Schwab, Mary, Chen dan rakan-rakannya (1999), dalam *Jurnal of The American Academy of Child and Adolescent Psychiatry*, yang menyatakan

bahawa golongan remaja bandar banyak terdedah kepada keganasan dan mempunyai hubungan yang kuat dengan petanda masalah psikatri dan kegagalan penyesuaian (*poor adjustment*). Kajian yang dilakukan oleh Juliana dan Paul (2005) dalam *Jurnal of Marriage and Family*, menyatakan bahawa kemiskinan yang melanda sesebuah keluarga yang tinggal di kawasan kejiranan yang sesak dan kekurangan perkhidmatan kesihatan, riadah, dan sebagainya akan membawa kesan negatif (psikologi dan penyesuaian dalam masyarakat) yang berpanjangan kepada anak-anak mereka untuk suatu jangka waktu yang panjang. Hal ini adalah kerana kemiskinan menyebabkan si bapa tidak mampu membelikan keperluan asas masa kini seperti buku, peralatan permainan bersifat pendidikan (*educational toys*), komputer peribadi dan keperluan-keperluan lain kepada anak-anak mereka.


Kemiskinan bandar selain membawa kesan buruk kepada kanak-kanak dan remaja, turut memberikan kesan negatif kepada golongan dewasa. Kajian yang dilakukan oleh Ruth dan Zeng (2006), dalam *Jurnal Social Science Quarterly*, mendapati bahawa

kemurungan disebabkan oleh konflik dalam perkahwinan dalam kalangan wanita yang hidup dalam kemiskinan agak kuat berbanding dengan wanita yang tidak hidup dalam kemiskinan. Tambahan pula perpisahan atau perceraian akibat konflik perkahwinan menunjukkan peningkatan dalam kemurungan bagi wanita miskin berbanding dengan pengurangan bagi wanita daripada kedudukan kewangan yang baik.

Melihat dapatan kajian ini, dapat dikaitkan beberapa insiden bunuh diri sejak akhir-akhir ini yang melibatkan anak-beranak daripada keluarga yang miskin yang kebanyakannya berlaku di penempatan miskin di bandar. Kes yang dilaporkan dalam *Mingguan Malaysia* (14 Julai 2007) mengenai kematian tiga beranak kerana terminum racun di sebuah pangsupuri di Jalan Kelang Lama, Kuala Lumpur, mungkin boleh menjadi contoh terkini yang dapat menjadi rujukan berhubung dengan masalah kemiskinan dan penempatan miskin. Sebab-sebab berlakunya kejadian seperti di atas, selain faktor kemiskinan ialah semangat kejiranan yang begitu rapuh dan perkhidmatan sokongan yang sukar dan susah dicapai



Kemiskinan tegar di seluruh dunia masih di tahap yang membimbangkan.



Rajah 1 Kesan akibat kasih sayang dan harga diri yang rendah.

di bandar berbanding dengan di luar bandar.

Merujuk kepada tinjauan dan dapatan kajian, dapat dibuat kesimpulan bahawa kemiskinan yang wujud di bandar banyak membawa kesan psikologi kepada mereka yang tergolong dalam kategori miskin dan hidup di kawasan perumahan yang sempit. Kanak-kanak yang membesar dalam kemiskinan dan serba kekurangan biasanya mempunyai penghargaan kendiri yang rendah. Perasaan ini kemungkinan semakin parah apabila mereka disisih atau dipulaukan oleh rakan-rakan persekolahan mereka yang datang daripada keluarga yang berada. Menurut Mary Keegan (2001) dalam *Jurnal Social Work*, keadaan ini boleh mengalakkan sikap agresif dalam kalangan kanak-kanak.

Sekiranya mereka yang datang daripada kategori kemiskinan ini dilayan secara berat sebelah oleh guru dan kakitangan sekolah, maka mereka berasa tidak mendapat kasih sayang yang sempurna, disebabkan harga diri yang rendah. Berdasarkan Teori Kaunseling Terapi Pengawasan Realiti, individu yang rasa dirinya kurang atau tidak menerima kasih sayang yang sempurna atau tidak mempunyai harga diri (Rajah 1), akan menganggap dirinya mengalami kegagalan identiti.

Sekiranya kita meneliti kehidupan di bandar yang banyak menjanjikan peluang pekerjaan yang halal, di bandar jugalah tempat tumpuan anasir yang tidak bertanggungjawab dalam mencari rezeki secara haram dengan melakukan rompakan, keganasan dan

kegiatan yang salah di sisi undang-undang. Anasir-anasir ini kemungkinan besar mudah mendapat "pembantu" untuk melakukan aktiviti jenayah mereka daripada golongan yang menganggap mereka mengalami "kegagalan identiti".

K keadaan ini menyebabkan kadar jenayah sentiasa menunjukkan peningkatan setiap tahun. Menurut statistik Polis Diraja Malaysia (PDRM), kes samun tanpa senjata api pada tahun 1997 ialah sebanyak 7316, manakala kes sama yang dilaporkan pada tahun 2004 ialah sebanyak 13 221, iaitu peningkatan sebanyak 81 peratus hanya dalam tempoh tujuh tahun.

Setelah melihat perkaitan antara kemiskinan, kesihatan psikologi dan jenayah dalam masyarakat, kita harus sedar bahawa kemiskinan yang berlaku di bandar berkemungkinan juga akan mempengaruhi ekonomi negara secara tidak langsung. Berdasarkan statistik taburan penduduk di Malaysia pada tahun 2006 ialah sebanyak 26.24 juta orang, dan 63.2 peratus, iaitu 16.6 juta orang daripada mereka tinggal di bandar. Katakan kemiskinan di bandar pada tahun 2006 masih sama seperti kadar kemiskinan tahun 2004, iaitu 2.5 peratus, bermakna bilangan isi rumah miskin di bandar mungkin berada sekitar 415 ribu orang. Bandar yang biasanya menjadi pemacu kemajuan bagi sesebuah negeri sekiranya dibanjiri bilangan penduduk miskin yang banyak sudah tentu memberikan impak negatif kepada ekonomi negara secara keseluruhannya.

Berdasarkan diperbincangkan di atas, kita harus sedar bahawa kemiskinan perlu dihapuskan walau di mana-mana sekalipun. Walau bagaimanapun, tumpuan yang lebih harus diberikan kepada penghapusan kedua-dua jenis kemiskinan relatif dan mutlak yang diwujudkan di bandar. Hal ini adalah kerana kemiskinan di bandar lebih banyak membawa kesan negatif kepada penghuninya berbanding dengan kemiskinan yang dialami oleh penghuni di luar bandar.

Antara langkah yang dapat di ambil untuk mengurangkan kesan psikologi akibat kemiskinan di bandar adalah dengan banyak mewujudkan pusat kaunseling yang diselenggarakan oleh pihak kerajaan yang memberikan kaunseling secara percuma atau dengan bayaran yang minimum. Pusat kaunseling yang dikendalikan oleh kaunselor berkelayakan dan bertauliah ini boleh berfungsi sebagai salah satu sistem sokongan kepada mereka yang mengalami masalah kehidupan.

Sebagai permulaan, sesebuah kawasan perumahan disediakan sebuah bilik kaunseling dan seorang kaunselor. Mereka yang tinggal di kawasan perumahan itu harus disedarkan tentang perkhidmatan kaunseling dan faedah yang dapat diperoleh daripada kaunseling dan kaunselor.

Selain kaunseling, langkah lain seperti kemudahan untuk melakukan aktiviti sukan secara percuma perlu dipastikan wujud di setiap kawasan perumahan. Di samping itu, langkah mewujudkan pendapatan kedua harus diperkenalkan kepada golongan dalam kategori miskin. Hal ini perlu dipastikan sebagai pekerjaan yang dapat dilakukan di rumah tanpa mengorbankan waktu kualiti bersama keluarga.

Usaha-usaha murni yang dibincangkan di atas harus dimulakan oleh pihak yang bertanggungjawab. Hal ini boleh dimulakan di sesebuah kawasan perumahan. Setelah melihat keputusan pelaksanaannya untuk suatu tempoh tertentu, langkah-langkah pengubahsuaian (sekiranya perlu) dilakukan dan pelaksanaannya di kawasan lain harus diteruskan. ■